# PRAKTIS Ujian Akhir Sesi Akademik

Kuiz

## Bahagian A

### 5.1 Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

1 **Apakah** asas pembentukan sistem kesukuan di Sarawak dan Sabah?

Buku Teks ms. 110

A Kepatuhan kepada adat
B Kesatuan mengikut kaum
C Kesetiaan pada pemimpin
D Ketaatan pada undang-undang

Aras S Mengingat

2 Jawatan berikut terdapat dalam Sistem Kesukuan Sarawak dan Sabah.

Buku Teks ms. 111

- Tuai Rumah
- Orang Tua

**Apakah** peranan jawatan tersebut?

A Ahli majlis
B Pembesar
C Pemimpin
D Pegawai Daerah

Aras R Menganalisis

3 **Apakah** gelaran untuk pentadbir kawasan di Sungai Sarawak?

Buku Teks ms. 112

I Datu Jajahan
II Datu Pengiran
III Datu Bendahara
IV Datu Temenggung

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Menganalisis

4 **Bagaimanakah** kuasa golongan Datu di Sabah ditentukan?

Buku Teks ms. 113

A Sistem penguasaan harta
B Kemampuan menghantar ufti
C Keperwiraan seseorang tokoh
D Sistem hierarki masyarakat

Aras T Memahami

### 5.2 Peluasan Kuasa Dinasti Brooke di Sarawak

5 Tindakan Pengiran Indera Mahkota mendirikan pusat pentadbiran di Kuching telah menimbulkan perbalahan dengan pembesar tempatan.

Buku Teks ms. 114

**Mengapakah** berlaku perbalahan tersebut?

I Membawa masuk buruh Cina
II Mengenakan cukai yang tinggi
III Melaksanakan kerahan tenaga
IV Mendirikan pusat perdagangan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Menganalisis

6 Pada tahun 1920-an, kalangan masyarakat Melayu tertumpu di Lidah Tanah, Sarawak.

Buku Teks ms. 114

**Apakah** kepentingan kawasan tersebut?

A Terletak di tanah tinggi
B Terdapat tanah yang subur
C Kedudukan yang strategik
D Bekalan air mencukupi

Aras T Memahami

7 **Mengapakah** Pengiran Raja Muda Hashim meminta bantuan daripada James Brooke?

Buku Teks ms. 115

A Mengatasi serangan perompak di Sungai Rejang
B Membantu pembinaan infrastruktur di pedalaman
C Melakukan pemodenan sistem pentadbiran tempatan
D Menyelesaikan perbalahan antara pembesar tempatan

Aras S Memahami

8 Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian yang melibatkan James Brooke di Sarawak.

Buku Teks ms. 116

- Perjanjian 1841
- Perjanjian 1842

**Apakah** kesan daripada kedua-dua perjanjian tersebut?

A Menyerahkan ufti tahunan kepada Sultan Brunei
B Menamatkan kekuasaan Kesultanan Brunei di Sarawak
C Menghapuskan tokoh tempatan yang menentang British
D Melantik James Brooke sebagai penasihat sultan

Aras S Menganalisis

LIVEWORKSHEETS

9 Tokoh berikut telah menentang kedudukan James Brooke di Sarawak.

Buku Teks m.s. 117

Datu Patinggi Abang Abdul Ghafur bin Abang Qahar

**Apakah** tindakan James Brooke terhadap tokoh tersebut?

A Dipenjarakan
B Dilucutkan jawatan
C Dibuang ke Melaka
D Diberi pencen

Aras S Memahami

10 Sultan Abdul Mumin telah menyerahkan Sungai Rajang kepada James Brooke dengan bayaran 4500 Dolar Sepanyol setahun.

Buku Teks m.s. 116

**Mengapakah** baginda bertindak demikian?

A Mengekalkan kedudukannya sebagai raja Sarawak
B Membantu menghapuskan kebangkitan orang tempatan
C Membanteras ancaman lanun yang berleluasa di Sarawak
D Mengelakkan penguasaan Barat di kawasan pemerintahannya

Aras S Memahami

## 5.3 Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah

11 Maklumat berikut berkaitan dengan peluasan kuasa SBUB di Pulau Balambangan.

Buku Teks m.s. 121

Setelah membuat perjanjian dengan Kesultanan Sulu pada tahun 1763, Alexander Dalrymple telah membuat penandaan sebagai bukti pulau tersebut menjadi milik British.

**Bagaimanakah** tindakan Alexander Dalrymple membuat penandaan tersebut?

A Menggubal jata negeri
B Mendirikan tugu negeri
C Mengibarkan bendera British
D Membina pusat pemerintahan

Aras S Mengaplikasi

12 **Mengapakah** British meninggalkan kawasan berikut pada bulan November 1805?

Buku Teks m.s. 121

Pulau Balambangan

A Serangan lanun
B Masalah kewangan
C Lokasi tidak strategik
D Pemberontakan penduduk

Aras S Memahami

13 Pada tahun 1878, Alfred dan Edward Gent telah membuat pajakan terhadap pantai timur Sabah.

Buku Teks m.s. 122

**Siapakah** yang telah membuat pajakan kawasan tersebut?

A Sultan Sulu
B Sultan Brunei
C Sharif Masahor
D Datu Patinggi Ali

Aras R Mengingat

14 Piagam Diraja diberi kepada SBUB sebagai wakil kerajaan British di Sabah.

Buku Teks m.s. 123

**Apakah** kesan pemberian tersebut terhadap Sabah?

I Sistem perlembagaan digubal
II Menjadi negeri naungan British
III Sumber kekayaan dieksploitasi
IV Mengalami pembangunan ekonomi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras T Memahami

15 **Mengapakah** sistem birokrasi dibentuk di Sabah setelah ditadbir oleh SBUB?

Buku Teks m.s. 123

A Membantu sultan
B Mengetuai jabatan
C Mengaut keuntungan
D Melicinkan pentadbiran

Aras T Memahami

## 5.4 Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

16 **Bagaimanakah** tindakan Raja Brooke memudahkan pentadbiran di Sarawak?

Buku Teks m.s. 124

A Memperkenalkan sistem pentadbiran Barat
B Mewujudkan sistem residensi di wilayah Sarawak
C Melantik pegawai-pegawai Barat mengetuai jabatan
D Membahagikan Sarawak kepada beberapa bahagian

Aras S Mengaplikasi



LIVEWORKSHEETS

17 Jadual berikut berkaitan dengan pembahagian residensi oleh SBUB di Sabah pada peringkat awal.

Buku Teks ms. 125

| Residensi | Pusat Pentadbiran |
|---|---|
| Residensi Pantai Timur | Sandakan |
| Residensi Pantai Barat | X |

**Apakah** pusat pentadbiran **X**?

**A** Kudat
**B** Tawau
**C** Jesselton
**D** Lahad Datu

Aras S Menganalisis

18 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha pemantapan pentadbiran Dinasti Brooke di Sarawak.

Buku Teks ms. 126

Pengekalan pembesar tempatan dalam pentadbiran.

**Apakah** dasar Dinasti Brooke bagi mengikat penglibatan pembesar tempatan tersebut?

**A** Jati diri
**B** Amanah
**C** Perihatin
**D** Kerjasama

Aras S Mengingat

19 **Mengapakah** *Majlis Penasihat* ditubuhkan tahun 1883 di *Sabah*?

Buku Teks ms. 127

**A** Menasihat Gabenor
**B** Mengadili kesalahan
**C** Menjamin keamanan
**D** Mengawal keselamatan

Aras S

20 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri melantik pentadbir berasaskan kaum di Sabah.

Buku Teks ms. 128

- Personaliti
- Kepakaran

**Apakah** pentadbir tersebut?

**A** Ketua etnik
**B** Kapitan Cina
**C** Ketua Majistret
**D** Pegawai Daerah

Aras S

LIVEWORKSHEETS